

Ahli perniagaan rapat dengan Najib disiasat berkait hartanah AS
Malaysian Insider
Jan 18, 2016

Pihak Perbendaharaan Amerika Syarikat (AS) sedang menyiasat pemilik hartanah mewah di negara itu yang berkemungkinan dibeli dengan wang haram, lapor The New York Times (NYT), termasuk pembelian membabitkan ahli perniagaan yang rapat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Laporan itu berkata Perbendaharaan AS sedang meneliti pembelian hartanah dibuat sebuah syarikat perantara yang melindungi identiti pembeli sebenar.

Memetik sumber rasmi dalam jabatan itu, siasatan bermula susulan beberapa siri pendedahan NYT tahun lalu yang meneliti peningkatan penggunaan syarikat perantara (shell companies) di mana pembeli asing mencari tempat selamat untuk menyimpan wang di AS.

Ahli perniagaan itu didedahkan NYT tahun lepas dalam beberapa pembelian hartanah di negara tersebut.

Pada Februari tahun lalu, akhbar berpengaruh itu mendapati hartanah mewah bernilai lebih RM150 juta dikesan mempunyai kaitan sama ada dengan anak tiri Najib, Riza Aziz dan ahli perniagaan Low Taek Jho.

Ini termasuk "penthouse" bernilai AS\$30.55 juta di Time Warner Centre di Manhattan, rumah di Hollywood bernilai AS\$39 juta, Hotel L'Ermitage di Beverly Hills dan sebahagian Hotel Park Lane di New York.

Ia juga mengesan sebuah kondominium bernilai AS\$33.5 di Laurel Park, Manhattan, di samping hartanah lain di Los Angeles yang turut melibatkan Riza, melalui pelbagai "syarikat bayangan".

Laporan NYT juga menyebut, bekas eksekutif 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Jasmine Loo Ai Swan menandatangani pembelian kondominium AS\$4.5 juta yang dibeli "syarikat bayangan" dikenali sebagai Cricklewood One Madison LLC, tahun lepas.

"Ini kali pertama kerajaan pusat meminta syarikat hartanah mendedahkan nama di belakang pembelian tunai, ia dijangka akan memberi rasa takut kepada industri hartanah, yang mendapat faedah beberapa tahun kebelakangan ini hasil kebergantungan kekayaan pembeli rahsia," kata NYT.

Fokus juga tertumpu kepada siasatan penggubahan wang haram, lapor NYT.

Sebagai permulaan, NYT berkata siasatan akan bermula di 2 destinasi utama yang menjadi tumpuan kekayaan global, Manhattan dan Miami-Dade County.

Low, atau Jho Low dikehendaki pihak berkuasa Malaysia bagi membantu siasatan

berhubung syarikat pelaburan dana negara, 1Malaysia Development Berhad.

Najib terpalit dalam skandal 1MDB, yang beliau selia sebagai menteri kewangan, dan pemindahan wang ke dalam akaun peribadinya.

Beliau juga merombak Kabinet pada Julai, menggugurkan seorang timbalan perdana menteri dan seorang lagi menteri kerana mengkritik cara beliau mengendalikan syarikat sarat hutang itu, dan menukar peguam negara yang sedang melakukan siasatan terhadap 1MDB dan pemindahan dana ke dalam akaun peribadinya. – 18 Januari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ahli-perniagaan-rapat-dengan-najib-disiasat-berkait-hartanah-as>